Public Bank Bhd lwn Search Realty (M) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — PENGGULUNGAN SYARIKAT NO D1–28–40 OF 2000
MOHD GHAZALI H
9 JANUARI 2000

Syarikat dan Perbadanan *— Penggulungan — Permohonan untuk membatalkan petisyen penggulungan — Definasi 'pemiutang' — Pempetisyen hanya memperolehi penghakiman terhadap penghutang di bawah perjanjian pinjaman tetapi tidak memperolehi penghakiman terhadap penggerenti — Pempetisyen memfailkan notis s 218 terhadap penggerenti, sama ada notis s 218 melayakkan pempetisyen menggulungkan penggerenti — Sama ada pempetisyen adalah 'pemiutang' terhadap penggerenti — Sama ada pempetisyen layak memfailkan petisyen untuk menggulung penggerenti — Sama ada penghakiman terhadap penggerenti adalah wajib sebelum petisyen terhadap penggerenti boleh difailkan*

Syarikat dan Perbadanan *— Penggulungan — Hutang yang dipertikaikan — Permohonan membatalkan petisyen penggulungan terhadap penggerenti — Jumlah yang dituntut di bawah notis s 218 berbeza dari jumlah dalam penghakiman terhadap prinsipal — Perjanjian gerenti berdasarkan balasan lampau — Sama ada wujud soalan serius yang perlu dihakimkan*

Pempetisyen, sebuah bank tempatan telah menfailkan petisyen untuk menggulung responden. Walau bagaimanapun, sebelum petisyen didengar, responden telah memfailkan satu notis usul dan memohon petisyen dibatalkan di bawah, antara lain, kuasa sedia ada mahkamah atas alasan tindakan pempetisyen memfailkan petisyen adalah penyalahgunaan proses mahkamah. Pempetisyen telah menuntut responden, selaku penggerenti kepada kemudahan overdraf dan pinjaman tetap yang diberi oleh pempetisyen kepada Search Technologies (M) Sdn Bhd ('STSB'), berhutang kepadanya sebanyak RM2,025,079.73 ('amaun tersebut') dihitung setakat 4 Mei 1999 bersama faedah yang masih berterusan. Notis tuntutan menuruti s 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut') telah dihantar kepada responden di syarikat berdaftarnya. Selain daripada salinan notis s 218 Akta tersebut, pempetisyen tidak mengemukakan keterangan yang menunjuk bahawa responden adalah penggerenti kepada kemudahan kewangan yang diberi kepada STSB dan keterangan mengenai perhitungan amaun yang dihutang oleh STSB. Isu yang perlu diputuskan adalah: (i) sama ada pempetisyen merupakan pemiutang vis-a-vis responden bagi melayakkan mereka memfailkan petisyen penggulungan tersebut; dan (ii) sama ada terdapat balasan lampau mengenai perjanjian gerenti memandangkan perjanjian bagi kemudahan tersebut telah ditandatangani pada 1995 sementara perjanjian gerenti pula dilaksanakan pada 1999.

Diputuskan, membenarkan permohonan responden dan membatalkan petisyen dengan kos:

(1) Pempetisyen tidak langsung mendedahkan fakta-fakta yang material bagi menyokong petisyen mereka untuk menggulung

responden. Bahawa pempetisyen telah memperolehi hutang penghakiman terhadap penghutang prinsipal, iaitu STSB hanya digambarkan dalam afidavit pempetisyen bagi menentang notis usul responden. Apa yang jelas dan tidak dipertikaikan ialah pempetisyen tidak memperolehi penghakiman terhadap responden selaku penggerenti bagi amaun tersebut yang dituntut itu. Dengan hanya menerbitkan notis s 218 Akta tersebut tidak secara prima facie mengesah pempetisyen adalah seorang pemiutang dan oleh itu berhak menggulungkan responden (lihat ms 125C–E).

(2) Amaun tersebut yang terdapat dalam notis s 218 Akta tersebut itu dan dalam petisyen, yang didakwa dihutang oleh responden, adalah amaun yang berbeza jika dibandingkan dengan hutang penghakiman yang telah diperolehi terhadap STSB (lihat ms 125E–F).

(3) 'Pemiutang' ialah 'a person to whom a debt is owing'. Dalam petisyen ini, untuk membuat pempetisyen berhak memanggil diri mereka sebagai pemiutang, hendaklah wujudnya satu hutang daripada responden kepada mereka yang belum dijelaskan. Dalam petisyen ini, pempetisyen belum memperolehi hutang penghakiman terhadap responden bagi amaun tersebut yang mana, jika telah diperolehi sebelum petisyen dikemukakan, akan dengan jelas melayakkan mereka memanggil diri mereka pemiutang. Notis s 218 Akta tersebut itu menyerupai surat tuntutan sahaja dan fungsinya adalah untuk memberi notis tindakan undang-undang yang akan kelak terjadi, iaitu satu petisyen bagi menggulungkan responden akan dikemukakan jika amaun tersebut tidak dijelaskan dan tujuannya adalah bagi menimbulkan anggapan responden tidak berkemampuan membayar hutangnya. Walau apa pun, pempetisyen masih diperlukan membukti mereka adalah pemiutang dan bahawa amaun yang dinyatakan di dalam notis itu memang dihutang dan telah genap masa untuk pembayaran (lihat ms 126C–D, F–G).

(4) Soalan balasan lampau mengenai perjanjian gerenti itu perlu diputuskan berdasarkan perjanjian di antara pempetisyen dan STSB. Soal bahawa kemudahan itu telah ditandatangani pada tahun 1995 walhal perjanjian gerenti pula dilaksanakan dalam tahun 1999 merupakan soalan yang serius dan perlu dihakimkan terlebih dahulu (lihat ms 128B–C).

[English summary

The petitioner, a local bank, filed a petition to wind up the respondent. However, before the petition was heard, the respondent filed a notice of motion and applied to have the petition struck out under the inherent power of the court that, inter alia, the petitioner's filing of the petition was an abuse of the court's process. The

petitioner claimed that the respondent, as a guarantor to the overdraft facility and fixed loan accorded by the petitioner to Search Technologies (M) Sdn Bhd ('STSB'), owed it RM2,025,079.73 ('the said sum') calculated up to 4 May 1999 with interest to date. The notice of demand pursuant to s 218(2)(a) of the Companies Act 1965 ('the Act') was served on the respondent at its registered company. Apart from a copy of the s 218 notice, the petitioner did not submit any evidence which shows that the respondent was the guarantor of the pecuniary facility granted to STSB and the evidence on the calculation of the amount owed by STSB. Issues before the court were: (i) whether the petitioner was a creditor vis-a-vis the respondent to entitle it to file a winding-up petition; and (ii) whether consideration for the guarantee agreement was past, since the agreement for the facility was entered into in 1995 while the guarantee agreement was only executed in 1999.

Held, allowing the respondent's application and striking out the petition with costs:

(1) The petitioner did not tender any material facts to support its petition to wind up the respondent. That the petitioner had obtained a judgment debt against the principal debtor, ie STSB, was only demonstrated in the petitioner's affidavit for defeating the respondent's notice of motion. What was clear and was not disputed was that the petitioner did not obtain judgment against the respondent as a guarantor for the said sum. Mere publishing of a notice under s 218 of the Act does not prima facie confirm that the petitioner was a creditor and had a right to wind-up the respondent (see p 125C–E).

(2) The said sum stated in the s 218 notice and in the petition that allegedly owed by the respondent was a different sum if compared to the judgment debt obtained against STSB (see p 125E–F).

(3) A 'creditor' is 'a person to whom a debt is owing'. In this petition, for the petitioner to be the 'creditor', there has to be a debt owed by the respondent to the petitioner that has not been settled. In the petition, the petitioner had not obtained the judgment debt against the respondent for the said sum which, if obtained before the petition was submitted, would clearly entitle it to be the creditor. The notice under s 218 of the Act resembles a notice of demand and its function is to give notice of an impending legal action, that is, a petition to wind up the respondent will be presented if the said sum were not settled and its purpose is to raise the assumption that the respondent was unable to settle its debts. In any case, the petitioner must still prove that it was the creditor and that the amount stated in the notice was actually owed to them and that payment was due (see pp 126C–D, F–G).

(4) The question of past consideration in the guarantee agreement had to be determined based on the agreement betweeen the petitioner and STSB. The issue of whether the facility had been entered into in 1995 while the guarantee agreement was executed in 1999 was a serious question which must be adjudged first (see p 128B–C).]

Nota-nota

Bagi kes-kes mengenai penggulungan, lihat 3(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2000 Reissue) perenggan 760–1151.

Kes-kes yang dirujuk

Ban Hong Co Ltd, Re [1959] MLJ 100 (dirujuk)
Chew Soon Tat v Malaysia National Insurance Sdn Bhd [1977] 1 MLJ 241 (dirujuk)
Jurupakat Sdn Bhd v Kumpulan Good Earth (1973) Sdn Bhd [1988] 3 MLJ 49 (dirujuk)
Sri Hartamas Development Sdn Bhd v MBf Finance Bhd [1992] 1 MLJ 313 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Syarikat 1965 s 218(1)(e), (2)(a)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 14, 18 k 19

Jordan J Sugunasingam (*Iza Ng Yeo & Kit*) bagi pihak pempetisyen.
Chong Choh Yoon (*CY Chong & Associates*) bagi pihak responden.

Mohd Ghazali H:. Pempetisyen, sebuah bank tempatan telah memfail petisyen pada 19 Januari 2000 untuk menggulung responden dan petisyen telah ditetapkan untuk pendengaran pada 25 Ogos 2000. Walau bagaimanapun, pada 31 Julai 2000, responden telah memfail satu notis usul (lampiran 11) dan memohon petisyen dibatalkan di bawah, antara lain, kuasa sedia ada mahkamah atas alasan tindakan pempetisyen memfail petisyen adalah penyalahgunaan proses mahkamah. Pendengaran petisyen telah kemudian ditangguhkan bagi mendahulukan pendengaran notis usul itu. Seterusnya, notis usul itu telah ditetapkan untuk pendengaran pada 24 November 2000 dan pada tarikh itu, saya telah membenarkan permohonan itu dan membatalkan petisyen. Terhadap keputusan itu, pempetisyen telah merayu ke Mahkamah Rayuan.

Petisyen menunjuk responden, sebuah syarikat tempatan, telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1995, dan modal yang dibenarkan adalah 100,000 syer biasa yang setiap satu berharga RM1 dan modal berbayarnya adalah RM48,000. Pempetisyen menuntut responden, selaku penggerenti kepada kemudahan overdraf dan pinjaman tetap yang diberi oleh pempetisyen kepada satu syarikat tempatan lain, iaitu, Search Technologies (M) Sdn Bhd ('STSB'), berhutang kepadanya sebanyak RM2,025,079.73

('amaun tersebut') dihitung setakat 4 Mei 1999 bersama faedah yang masih berterusan.

Sebelum petisyen dikemukakan, peguamcara pempetisyen, iaitu Tetuan Iza Ng Yeoh & Kit telah menghantar-serah melalui tangan kepada responden di pejabat berdaftarnya satu notis tuntutan menuruti s 218(2)(a) Akta Syarikat 1965 ('Akta tersebut') bertarikh 12 Ogos 1999 ('notis s 218 Akta tersebut'). Menurut notis s 218 Akta tersebut, responden selaku penggerenti dikehendaki membayar kepada pempetisyen amaun tersebut serta faedah dalam masa tiga minggu daripada tarikh penerimaan notis itu. Responden tidak membuat apa yang dipinta dan oleh itu petisyen ini telah dikemukakan. Notis s 218 Akta tersebut dalam bahasa asalnya berbunyi:

Notice Pursuant to s 218 of the Companies Act

To:
Search Realty (M) Sdn Bhd
No 54, Mezzanine Floor
Jalan SS21/58
Damansara Utama
47400 Petaling Jaya
Selangor Darul EhsanBy Hand

TAKE NOTICE that as guarantor you are indebted to Public Bank of No 21, Jalan 9, Kepong Baru, 52100 Kuala Lumpur under the following facilities:

Overdraft Account No 3078515610

Ringgit Malaysia One Million Two Hundred And Thirty Three Thousand Two Hundred And Thirteen and Cents Eighty Two (RM1,233,213.82) as at 4 May 1999 with interest thereon at the rate of 3.50%pa above the Bank's Base Lending Rate currently at 7.25%pa on daily rest.

Fixed Loan Account No 2027119935 (Note 10)

Ringgit Malaysia Seven Hundred Ninety One Thousand Eight Hundred And Sixty Five and Cents Ninety One (RM791,865.91) with interest thereon at the rate of 3.50%pa above the Bank's Base Lending Rate currently at 7.25%pa on monthly rest,

and that you are required to pay the aforesaid sums, or to secure or compound for it to the reasonable satisfaction of the said Public Bank had AND TAKE FURTHER NOTICE that if at the expiration of within three weeks from the date of service of this notice hereof, you have failed to comply with the terms herein, you will pursuant to s 218(2) (a) of the Companies Act 1965 be deemed unable to pay your debts as and when they fall due and proceedings may thereafter be commenced to wind up Search Realty (M) Sdn Bhd pursuant to s 218(1)(e) of the said Act.

Dated 12 August 1999.

(Sgd)

Messrs Iza Ng Yeo & Kit
Solicitors for Public Bank Bhd

Adalah menjadi kes pempetisyen oleh kerana responden gagal membayar amaun tersebut dalam masa tiga minggu, responden adalah disifatkan tidak

boleh membayar hutang mereka dan mendasarkan demikian adalah adil dan berekuiti bahawa responden digulung. Dalam petisyen yang dikemukakan pempetisyen pohon:

(a) responden digulungkan;

(b) bahawa pegawai penerima dilantik sebagai penyelesai sementara; dan

(c) bahawa kos petisyen ini dibayar daripada aset responden.

Selain daripada salinan notis s 218 Akta tersebut, pempetisyen tidak kemukakan keterangan yang menunjuk responden adalah penggerenti kepada kemudahan kewangan yang diberikan kepada STSB dan keterangan mengenai perhitungan amaun yang dihutang oleh STSB. Seperti dibincang di atas, pada 31 Julai 2000 responden telah memfail notis usul ini (lampiran 11) dan memohon bahawa petisyen dibatalkan, antara lain, di bawah kuasa sedia ada mahkamah atas alasan ianya penyalahgunaan proses mahkamah. Dalam afidavit bagi menyokong notis usul itu responden menegas, antara lain, seperti berikut:

(i) ketakwujudan penghakiman yang dimasuk terhadapnya oleh pempetisyen sebelum petisyen dikemukakan;

(ii) oleh kerana tiada tindakan dikemukakan terhadap responden selaku penggerenti bagi menuntut amaun tersebut, maka peluang dan hak responden untuk menuntut pampasan daripada STSB dan membawa STSB selaku penghutang utama melalui prosiding pihak ketiga telah dinafikan;

(iii) terdapat isu balasan lampau mengenai perjanjian gerenti memandangkan perjanjian bagi kemudahan itu telah ditandatangani pada tahun 1995 sementara perjanjian gerenti pula dilaksanakan pada 4 Februari 1999, iaitu empat tahun selepas perjanjian bagi kemudahan itu disempurnakan.

Bagi menentang permohonan responden, pempetisyen memfail afidavit dan mengepilkan salinan dokumen-dokumen berikut:

(a) surat tawaran pempetisyen kepada STSB bagi kemudahan tersebut bertarikh 1 November 1995 dan penerimaan dan persetujuan STSB pada 2 November 1995 atas terma dan syarat yang terkandung dalam surat itu;

(b) salinan resolusi lembaga pengarah responden bertarikh 4 Februari 1999 yang menggambarkan mereka bersetuju memberi gerenti korporat atas kemudahan yang diberi oleh pempetisyen kepada STSB;

(c) salinan perintah yang diperolehi oleh pempetisyen selaku plaintif dalam satu tindakan terhadap STSB dan tiga orang lain daripada Mahkamah Tinggi, Shah Alam yang menunjuk pempetisyen dibenarkan memasuk penghakiman terus di bawah A 14 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT tersebut') bagi amaun-amaun berikut:

(i) jumlah terhutang sebanyak RM667,306.54 berkenaan dengan kemudahan pinjaman tetap bersama faedah terakru keatasnya

pada kadar 4% setahun melebihi kadar pinjaman asas pempetisyen pada 12% setahun dalam kiraan bulanan daripada 10 Mac 1998 sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya; dan

(ii) jumlah terhutang sebanyak RM1,050,110.66 berkenaan dengan kemudahan overdraf bersama faedah terakru keatasnya pada kadar 4% setahun melebihi kadar pinjaman asas pempetisyen pada 12% setahun dalam kiraan harian daripada 10 Mac 1998 sehingga tarikh penyelesaian sepenuhnya;

(d) surat tuntutan daripada peguamcara pempetisyen kepada responden bertarikh 12 Mei 1999 yang menuntut responden membayar amaun-amaun seperti yang terdapat dalam notis s 218 Akta tersebut.

Pada saya, soalan yang timbul ialah sama ada pempetisyen merupakan pemiutang vis-a-vis responden bagi melayakkan mereka memfail petisyen penggulungan itu. Pada saya, pempetisyen tidak langsung mendedahkan fakta-fakta yang material bagi menyokong petisyen mereka untuk menggulung responden. Bahawa pempetisyen telah memperolehi hutang penghakiman terhadap penghutang prinsipal, iaitu, STSB hanya digambarkan dalam afidavit pempetisyen bagi menentang notis usul responden. Apa yang jelas dan tidak dipertikaikan ialah pempetisyen tidak memperolehi penghakiman terhadap responden selaku penggerenti bagi amaun tersebut yang dituntut itu. Saya berpendapat dengan hanya menerbitkan notis s 218 Akta tersebut tidak secara prima facie mengesah pempetisyen adalah seorang pemiutang dan oleh itu berhak menggulungkan responden.

Apa yang jelas juga ialah amaun tersebut yang terdapat dalam notis s 218 Akta tersebut dan dalam petisyen, yang didakwa dihutang oleh responden, adalah amaun yang berbeza jika dibandingkan dengan hutang penghakiman yang telah diperolehi terhadap STSB. Oleh itu, saya tidak dapat bersetuju dengan pendirian pempetisyen bahawa mendasarkan notis s 218 Akta tersebut mereka adalah pemiutang bagi amaun tersebut dan oleh itu berhak mengemukakan petisyen untuk menggulung responden.

Pada pendengaran notis usul ini, peguamcara pempetisyen mengaku pihaknya tidak memperolehi hutang penghakiman terhadap responden bagi amaun tersebut. Walaupun demikian, ia mendesak pihaknya hanya perlu menunjuk responden tidak menjelaskan amaun tersebut dan apabila responden tidak membayarnya dalam masa tiga minggu daripada tarikh penerimaan notis s 218 Akta tersebut, anggapan timbul bahawa responden tidak berkemampuan membayar hutangnya dan oleh itu adalah taksolven. Saya tidak dapat terima desakan itu. Seksyen 218(1) Akta tersebut memperuntukkan keadaan-keadaan dalam mana sesuatu syarikat boleh digulung oleh mahkamah dan sub-s (1)(e) seksyen yang sama memperuntukkan mahkamah boleh perintah sesuatu syarikat digulung jika syarikat itu tidak berkemampuan membayar hutangnya. Seksyen 218(2) Akta tersebut pula memperuntukkan definasi apa yang dimaksudkan sebagai tidak berkemampuan membayar hutang dan ianya berbunyi:

A company shall be deemed to be unable to pay its debts if —

(a) a creditor by assignment or otherwise to whom the company is indebted in a sum exceeding five hundred ringgit then due has served on the company by leaving at the registered office a demand under his hand or under the hand of his agent thereunto lawfully authorized requiring the company to pay the sum so due, and the company has for three weeks thereafter neglected to pay the sum or to secure or compound for it to the reasonable satisfaction of the creditor;

(b) execution or other process issued on a judgment, decree or order of any court in favour of a creditor of the company is returned unsatisfied in whole or in part; or

(c) it is proved to the satisfaction of the court that the company is unable to pay its debts; and in determining whether a company is unable to pay its debts the court shall take into account the contingent and prospective liabilities o fthe company.

Apa itu 'pemiutang'? Menurut *Osborn's Concise Law Dictionary* (5th Ed), seorang pemiutang ialah 'a person to whom a debt is owing'. Dalam petisyen ini, adakah pempetisyen merupakan seorang pemiutang? Pada pendapat saya, untuk membuat mereka berhak memanggil diri mereka sebagai pemiutang, hendaklah wujudnya satu hutang daripada responden kepada mereka yang belum dijelaskan. Dalam petisyen ini, pempetisyen belum memperolehi hutang penghakiman terhadap responden bagi amaun tersebut yang mana, jika telah diperolehi sebelum petisyen dikemukakan, akan dengan jelas melayakkan mereka memanggil diri mereka pemiutang. Tanpa keterangan yang menunjuk responden berhutang kepada mereka, saya berpendapat petisyen tidak boleh berdiri. Apa yang jelas ialah pempetisyen hanya bergantung kepada notis s 218 Akta tersebut untuk membuktikan kewujudan hutang tersebut. Bolehkah dikatakan amaun tersebut yang dituntut melalui notis s 218 Akta tersebut adalah amaun yang sebenarnya dihutang oleh responden? Saya tidak mendapat bagaimana amaun tersebut boleh dikatakan hutang tanpa wujudnya satu hutang penghakiman. Pada saya, notis s 218 Akta tersebut tidak merupakan keterangan prima facie amaun tersebut dihutang oleh responden. Notis s 218 Akta tersebut menyerupai surat tuntutan sahaja dan fungsinya adalah untuk memberi notis tindakan undang-undang yang akan kelak terjadi, iaitu, satu petisyen bagi menggulungkan responden akan dikemukakan jika amaun tersebut tidak dijelaskan dan tujuannya adalah bagi menimbulkan anggapan responden tidak berkemampuan membayar hutangnya. Walau apa pun, pempetisyen masih diperlukan membukti mereka adalah pemiutang dan bahawa amaun yang dinyatakan di dalam notis itu memang dihutang dan telah genap masa untuk pembayaran. Kesimpulannya, saya tidak dapat terima desakan pempetisyen bahawa mereka, mendasarkan notis s 218 Akta tersebut adalah pemiutang.

Dalam kes *Jurupakat Sdn Bhd v Kumpulan Good Earth (1973) Sdn Bhd* [1988] 3 MLJ 49, pempetisyen, seorang pemborong pembinaan telah kemukakan petisyen bagi menggulung responden, sebuah syarikat pemaju perumahan kerana kegagalan membayar baki termasuk faedah bagi kerja-kerja yang disempurnakan oleh pempetisyen di bawah satu perjanjian pembinaan. Responden telah memohon untuk membatalkan petisyen di

bawah A 18 k 19 KMT tersebut dan di bawah kuasa sedia ada mahkamah. Dalam membenarkan permohonan itu, Zakaria Yatim H (pada masa itu) berkata (di ms 50):

> It is common ground that there is no judgment debt in the present case. The question for the court to consider is whether the petitioner is a creditor and the respondent is a debtor. A creditor is a person who could enforce his claim against the company by an action of debt and a person cannot petition as a creditor when he merely has a right of action against the company for unliquidated damages for breach of contract (see *Pennington's Company Law* (1985, 5th Ed) p 843). Where a petition is based on a debt which is disputed on substantial grounds, the petitioner is not a creditor (see *Re Lympne Investment Ltd* [1972] 2 All ER 385 at p 389). If the petitioner is not a creditor, it is not entitled to present a petition or apply for a winding-up order. It has no locus standi and the petition must fail (see *Mann & Anor v Goldstein & Anor* [1968] 2 All ER 769 at p 771).

Dalam kes *Sri Hartamas Development Sdn Bhd v MBf Finance Bhd* [1992] 1 MLJ 313 di ms 317, mahkamah mendapat fungsinya notis s 218 Akta tersebut adalah untuk memberi notis kepada syarikat penghutang bahawa satu petisye penggulungan kemungkinan akan dikemukakan terhadap mereka. Notis itu mesti meriwayatkan kepada suatu hutang spesifik yang amaunnya atau kewujudannya tidak boleh secara serius dipersoalkan. Dalam keadaan di mana amaun yang dituntut boleh dipersoalkan atau dicurigai dan tidak boleh disokong oleh penghakiman, petisyen itu seharusnya ditolak.

Dalam kes *In Re Ban Hong Co Ltd* [1959] MLJ 100, mahkamah memutuskan sesuatu petisyen yang dikemukakan dengan tujuan untuk menguatkuasakan hutang yang dipertikaikan adalah satu penyalahgunaan proses mahkamah dan hendaklah ditolak dengan kos. Dalam kes itu, Rigby H berkata (di ms 103):

> It is well settled law that a winding up petition is not to be used as machinery to try a common law action, and that the presentation of a petition for winding-up simply with a view to enforcing payment of a disputed debt is an abuse of the process of the court and should be dismissed with costs.

Saya bersependapat dengan Rigby H. Suatu petisyen penggulungan bukanlah cara yang tepat dan sah bagi menguatkuasakan pembayaran hutang yang belum diputuskan dengan jelas oleh mahkamah. Jika cara ini dipakai, mahkamah, apabila hadapan dengan petisyen penggulungan dalam mana hutang yang tidak disokong oleh penghakiman dipertikaikan, hendaklah pertamanya mengasaskan hutang yang kena dibayar, iaitu, sama ada amaun yang dikatakan terhutang adalah amaun yang sebenarnya dihutang mendasarkan keterangan yang sedia ada. Hutang yang berasas notis s 218 Akta tersebut dan bukannya penghakiman akan merumitkan atau memberi tekanan yang tidak perlu ke atas mahkamah-mahkamah yang mendengar petisyen penggulungan sedemikian. Jika hutang yang dinyata dalam notis itu dipertikaikan, mahkamah pada awal pendengaran petisyen perlu mendengar perbalahan tentang hutang itu supaya dapat memutuskan amaun yang sebenarnya dihutang oleh responden kepada pempetisyen.

Hanya apabila kewujudan hutang dan amaun yang dihutang dapat diputuskan barulah mahkamah boleh meneruskan prosiding untuk mendengar petisyen penggulungan itu. Pada saya, pemakaian haluan sedemikian tidak wajar dan adalah penyalahgunaan proses mahkamah dan mahkamah seharusnya menolak petisyen penggulungan yang tidak disokong oleh hutang penghakiman.

Dalam permohonan di hadapan saya ini, responden, antara lain, menimbulkan isu mengenai keesahan gerenti itu selain daripada ketakwujudan hutang penghakiman, iaitu, ia mendesak terdapat soalan balasan lampau mengenai perjanjian gerenti itu yang perlu diputuskan mendasarkan perjanjian di antara pempetisyen dan STSB bagi kemudahan itu telah ditandantangani pada tahun 1995 walhal perjanjian gerenti pula dilaksanakan dalam tahun 1999. Pada saya, isu ini merupakan soalan yang serius dan perlu dihakimkan terlebih dahulu memandangkan dalam kes *Chew Soon Tat v Malaysia National Insurance Sdn Bhd* [1977] 1 MLJ 241, di mana isu yang serupa pernah dipertikaikan, Ali Ag LP mendapat penggerenti hanya bertanggungan bagi hutang atau liabiliti yang ditanggung selepas tarikh gerenti. Oleh itu, saya berpendapat haluan yang tepat dan wajar bagi mahkamah membuat keputusan tentang keesahan gerenti itu yang ditimbulkan dan amaun yang sebenarnya dihutang oleh responden mendasarkan gerenti itu adalah bagi pempetisyen memulakan satu tindakan melalui writ saman dan bukannya petisyen penggulungan.

Pada menjalankan kuasa sedia ada mahkamah dan mendasarkan apa yang telah dibincang di atas, saya telah membenarkan permohonan responden dan membatalkan petisyen penggulungan itu dengan kos sepertimana dipohon. Akhir kata, saya mendapat tidak ada prejudis yang akan dialami oleh pempetisyen disebabkan pembatalan petisyen itu memandangkan pempetisyen tidak dihalang oleh undang-undang daripada membuat tuntutan terhadap responden bagi amaun tersebut melalui suatu guaman sivil.

Permohonan responden dibenarkan dan petisyen dibatalkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Moy Saw Han